



## **SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA**

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hakcipta dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun dan mempertingkatkan infrastruktur serta menambahbaik perundangan harta intelek dengan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek.

Seiring dengan pencapaian MyIPO yang dinamik, kami mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang mempunyai kebolehan serta memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di **Ibu Pejabat MyIPO, Kuala Lumpur.**

### **SYARAT-SYARAT ASAS**

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint* serta berpengalaman menggunakan sistem/ aplikasi yang melibatkan perniagaan korporat;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkeyakinan tinggi;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum;

- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja tanpa mengira masa;
- **Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;**
- **Warganegara Malaysia;**
- Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup iklan; dan
- Kemahiran berkomunikasi di semua peringkat.

## **1. PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT - 1 KEKOSONGAN (KONTRAK)**

<b>Klasifikasi</b>	<b>:</b>	<b>Perkhidmatan Harta Intelek</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Eksekutif</b>
<b>Gred</b>	<b>:</b>	<b>IP8</b>
<b>Skala Gaji</b>	<b>:</b>	<b>RM2,688.00 – RM9,630.00</b>

### **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:**

- Mengawal selia Laman Web Rasmi MyIPO dan memuat naik berita terbaharu;
- Mengawal selia dan menjawab aduan serta soalan di media sosial;
- Menguruskan kempen-kempen kesedaran;
- Bertugas di kaunter perkhidmatan MyIPO;
- Bertindak sebagai pemantau protokol untuk program-program rasmi;
- Mempregiat aktiviti pemasaran dan promosi di media-media sosial dan mengadakan kempen kesedaran di peringkat Kementerian; dan
- Menyelaraskan program-program di peringkat Kementerian dan Agensi Kerajaan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### **KELAYAKAN:**

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi

tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- Kejujutan Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENTING:** Pemohon hendaklah menyertakan Surat Aduan Pengiktirafan Ijazah/ Diploma daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>).

## **2. PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT - 1 KEKOSONGAN (KONTRAK)**

<b>Klasifikasi</b>	<b>:</b>	<b>Perkhidmatan Harta Intelek</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>:</b>	<b>Pelaksana</b>
<b>Gred</b>	<b>:</b>	<b>IP10</b>
<b>Skala Gaji</b>	<b>:</b>	<b>RM1,963.00 – RM6,123.00</b>

### **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:**

- Bertugas di Bahagian Pengurusan Maklumat;
- Memasang dan menguji perkakasan, perisian dan rangkaian;
- Membantu dalam kerja-kerja membangun, mengurus dan mentadbir keberkesanan pengurusan pangkalan data;
- Mengurus, memantau dan menyelenggara peralatan rangkaian seperti *router*, *firewall* dan *switch*;
- Memantau dan mengawal selia pusat data;
- Menjaga keselamatan fizikal dan logikal pusat data dan rangkaian;
- Mengurus dan menyelenggara sistem emel dan sistem tapisan emel;
- Membantu dalam membangun, mengendali, menyelia dan memastikan jaringan rangkaian *Local Area Network* (LAN) dan *Wide Area Network* (WAN) berjalan dengan baik dan lancar;

- Memberi khidmat nasihat kepada pengguna serta melapor masalah sistem untuk pembaikan;
- Menyelenggara dan menguruskan aplikasi sistem bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik;
- Memberikan bantuan teknikal kepada pengguna serta bertindak sebagai *troubleshooter* bagi mengenalpasti masalah sistem;
- Melaksanakan proses penduaan terhadap aplikasi dan pangkalan data yang berkaitan mengikut penjadualan yang tersusun;
- Memantau sistem manual dan komunikasi komputer;
- Menyediakan dokumentasi laporan dan menganalisa penggunaan komputer serta bahan rujukan bagi pengguna;
- Melapor status dan perkembangan aktiviti / projek / sistem kepada Pegawai Sistem Maklumat dan Pengurus Bahagian Pengurusan Maklumat; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### **KELAYAKAN:**

- Diploma dalam bidang Sains Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Diploma dalam bidang Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

**PENTING:** Pemohon hendaklah menyertakan Surat Aduan Pengiktirafan Ijazah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>).

### 3. PEMANDU - 2 KEKOSONGAN (KONTRAK)

<b>Klasifikasi</b>	:	<b>Perkhidmatan Harta Intelekt</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Pelaksana</b>
<b>Gred</b>	:	<b>IP14</b>
<b>Skala Gaji</b>	:	<b>RM1,188.00 – RM2,864.00</b>

#### **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB:**

- Bertugas di Pejabat Ketua Pengarah atau Bahagian Khidmat Pengurusan;
- Melaksanakan arahan harian seperti yang dinyatakan dalam buku log;
- Merekodkan pergerakan kad inden dan kad *touch and go*;
- Memastikan kenderaan diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan dan melaporkan sebarang kerosakan kepada pegawai kenderaan;
- Membuat laporan kepada pegawai kenderaan dan polis sekiranya berlaku kemalangan;
- Melaksanakan arahan tugas yang dikeluarkan oleh Ketua Bahagian/ pegawai kenderaan. Pemanduan tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan berdasarkan peraturan semasa;
- Memastikan keselamatan kenderaan termasuk aksesori dan barang-barang dalam kenderaan. Pemandu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj berdasarkan peraturan semasa jika berlaku kemalangan, kehilangan dan kerosakan kerana kecuaiannya; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### **KELAYAKAN:**

- Lulus Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Memiliki lesen memandu Kelas B / D / E / E1 / E2 berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P);
- Berkebolehan memandu, membaca, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan bermotor berkenaan;

- Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik; dan
- Keutamaan kepada calon yang tinggal di sekitar Bangi, memiliki kenderaan ke tempat kerja dan mahir dengan jalan-jalan di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya.

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web MyIPO bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 14 Februari 2019** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
UNIT B-18-1, MENARA UOA BANGSAR  
NO. 5 JALAN BANGSAR UTAMA 1  
59000 KUALA LUMPUR  
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

**Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.**